

Nelayan dakwa pencemaran berlarutan lebih 10 tahun

UM 29/09/23 m/s

KUALA SELANGOR: Pencemaran di Sungai Sembilang didakwa sudah berlarutan lebih 10 tahun namun tiada tindakan efektif menyelesaikan masalah itu.

Pengerusi Pangkalan Nelayan Sungai Sembilang, Norhizam Sarif berkata, ia berlaku sejak 2013 dan pernah diadukan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

Katanya, selepas aduan dibuat pihak berkuasa itu menemukan paip sepanjang kira-kira satu kilometer (km) dari tapak pelupusan sampah memasuki kawasan ladang kelapa sawit

“Ketika itu nelayan dibantu JAS dengan kerjasama pengu- rusan tapak pelupusan sampah berkenaan mengenal pasti paip tersebut yang menyebabkan

12

pencemaran. Ketika itu dalam radius 1km semua pokok berhampiran paip tersebut mati.

“Kemudian paip itu dipin- dahkan antara 2016 hingga 2017 selepas ia dipercayai me- nyebabkan pencemaran. Tetapi masalah tidak selesai, air masih lagi hitam dan berbau terutama ketika air surut.

“Nasib baik waktu hujan, air sungai jadi bersih dan kurang bau. Tetapi sampai bila hendak berdepan masalah pencemaran itu, sudah 10 tahun nelayan- nelayan di sini hadapi.

“Kita sudah buat aduan ke- pada pelbagai jabatan terma- suk JAS, tetapi tak tahu kalau ada tindakan diambil atau tidak sebab air masih sama. Baru- baru ini Majlis Perbandaran Kuala

Selangor (MPKS) ada datang pantau selepas aduan dibuat ke- pada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),” katanya ke- pada *Utusan Malaysia*.

Katanya, nelayan yang ter- libat dengan projek semaian benih kupang mengalami keru- gian lebih RM100,000 selepas lebih separuh kupang, siput anak dara dan hidupan ceng- kerang lain mati akibat pence- maran.

“Nelayan berdepan tekanan akibat kematian hasil semaian hidupan cengkerang serta kekurangan tangkapan akibat pencemaran tersebut.

“Situasi memburuk apabila air surut menyebabkan air terce- mar dari hulu sungai mengalir ke muara,” katanya.



NORHIZAM Sarif menunjukkan air yang hitam mengalir di Sungai Sembilang sehingga menjejaskan nelayan dekat Jeti Sungai Sembilang, Jeram di Kuala Selangor, Selangor. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF